## YANG DIMULIAKAN PEHIN DATU SERI MAHARAJA MENULIS......Siri ke-295

# PUAK BATINIYYAH Siri ke-22



**Ringkasan perkara membawa pada riddah :**

BOLEH diringkaskan bahawa riddah itu boleh berlaku dan boleh diketahui :

1. Tiap-tiap iktikad, atau tiap-tiap perbuatan, atau tiap-tiap percakapan, yang menunjukkan tiap-tiap satu itu pada menghina atau mengolok-olokkan atau merendah-rendahkan (1) Allah Taala, atau pada (2) sesuatu dari kitab-kitab Allah, atau pada (3) seseorang Nabi-Nabi Allah, atau pada (4) malaikat-malaikat Allah, atau pada (5) sesuatu dari hukum-hukum Allah seperti hukum sembahyang, puasa, haji dan zakat atau pada (6) sesuatu cogan atau tanda-tanda kebesaran ugama Allah seperti Ka'abah dan masjid-masjid, atau pada (7) sesuatu dari janji pahala Allah kepada orang yang taat, atau pada (8) sesuatu dari janji siksa Allah kepada orang yang kafir dan yang durhaka kepada Allah, nescaya orang yang bertujuan mengolok-olok dan menghina-hinakan dan merendah-rendahkan sesuatu dari 8 perkara di atas ini, telah menjadi kafir, atau ia telah membuat dosa yang sangat haram, kiranya ia tiada qasad dan tiada bertujuan menghina atau mengolok-olokkan atau merendah-rendahkan sesuatu dari perkara yang tersebut di atas.

2. Syak pada Allah Taala, atau syak pada kenabian Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam dan lain-lain nabi dan Rasul Alaihimus-Salam. Atau syak pada Quran, atau syak pada hari kiamat atau hari kemudian, atau syak pada adanya syurga dan neraka, atau syak pada adanya pahala bagi orang yang taat, atau adanya siksa bagi orang kafir dan bagi setengah-setengah orang yang derhaka kepada Allah, atau syak pada perkara yang telah ijma' ulama Islam dalam perkara-perkara ugama yang diketahui dengan terang dan dengan ijma' dharuri adanya dalam Islam.

3. Iktikad tiada ada mana-mana satu sifat dari sifat-sifat Allah yang telah ijma' ulama Islam adanya dengan ijma' dharuri seperti sifat ilmu dan qudrat.

4. Mensabitkan mana-mana satu sifat yang wajib Allah Taala suci dari sifat-sifat itu, yang telah ijma' tiada ada sifat itu pada Allah Taala dengan ijma' dharuri seperti jisim, warna dan pihak kepada Allah Taala.

5. Menghalalkan perkara yang haram dengan ijma' yang diketahui dengan nyata dengan ijma' dharuri dalam ugama Islam akan haramnya, seperti menghalalkan zina, liwat, menghalalkan minum arak, menghalalkan sembahyang dengan tiada berwuduk, menghalalkan membunuh, mencuri, menguasai hak orang dengan tiada izin syara' (ghasab).

6. Mengharamkan perkara yang halal dengan ijma' yang diketahui dengan terang dan dengan ijma' dharuri dalam Islam akan halalnya, seperti halal jual beli dan halal nikah.

7. Menafikan wajib sesuatu perkara yang telah ijma', yang diketahui dengan terang dan dengan ijma' dharuri dalam Islam akan ujubnya dan wajibnya, seperti engkarkan wajib sembahyang lima waktu, engkarkan wajib ruku' atau engkarkan wajib satu sujud dari sujud dalam sembahyang yang lima waktu, engkarkan wajib zakat engkarkan wajib puasa, engkarkan wajib haji, engkarkan wajib wuduk kerana sembahyang umpamanya.

8. Mewajibkan perkara yang tiada wajib dengan ijma' yang diketahui dengan terang dan dengan ijma' dharuri.

9. Menafikan perkara yang disyarakkan dengan ijma', yang diketahui dengan terang dan dengan ijma' dharuri dalam ugama Islam seperti sembahyang-sembahyang sunat rawatib dan sembahyang-sembahyang raya.

10. Berazam hendak kufur pada masa akan datang sekalipun dalam masa akan datang yang jauh seperti hendak kufur setahun lagi.

11. Berazam hendak membuat seperti syak pada Allah atau Rasul-Nya atau pada Quran.

12. Berbelah-belah hati hendak membuat seperti syak pada Allah atau pada Rasul-Nya atau pada Quran.

13. Engkarkan persahabatan Sayidina Abu Bakar Radhiallahu anhu dengan baginda Rasullulah Sallallahu Alaihi Wasallam.

14. Engkarkan kerasulan seseorang Rasul daripada Rasul-rasul Allah, atau kenabian seseorang Nabi alaihimus-salam yang telah ijma' di atas kerasulannya atau kenabiannya.

15. Engkar atau menolak satu huruf yang ijma' adanya huruf itu dalam Quran.

16. Menambah satu huruf dalam Quran padahal huruf itu telah ijma' akan tiadanya dalam Quran dengan iktikad adanya huruf itu dalam Quran.

17. Mendustakan seseorang Rasul daripada Rasul-rasul Allah atau seseorang Nabi daripada Nabi-Nabi Allah Taala Alaihimus-salam.

18. Mengharuskan atau membolehkan ada kerasulan atau kenabian seseorang makhluk, setelah atau kemudian daripada dibangkitkan Nabi kita Sayidina Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam (seperti puak Qadiyani, puak Bahai, puak Taslim, puak Batiniyyah dan lain-lain puak yang mengharuskan ada seseorang Nabi datang lepas Nabi kita Sayidina Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam).

Adapun Nabi Isa Alaihis-Salam yang hidup sekarang di langit dan akan turun ke dunia pada akhir zaman bagaimana tersebut dalam hadis-hadis mutawatir, bahawa Isa Alaihis-Salam itu memang telah menjadi Nabi dan Rasul sebelum bangkit Nabi kita Sayidina Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam.

19. Menghina atau merendah-rendahkan Quran seperti mencampakkan Quran ke dalam tempat-tempat kotor, dengan tiada sebarang uzur dan tiada tanda pada tiada pada menghina-hinanya, dan seperti mushaf itu mencampakkan lembaran-lembaran ilmu ugama Islam ke dalam tempat kotor.

20. Memaki dan menyeranah mana-mana Rasul daripada Rasul-Rasul Allah atau mana-mana Nabi daripada Nabi-Nabi Allah atau mana-mana malaikat Allah Taala.

21. Membuat perkara sihir serta membuat ibadat atau menyembah jin, hantu atau matahari dan seumpamanya di dalam mengerjakan sihir itu.

22. Ridhakan kufur sekalipun dengan tiada terus terang ridhanya itu, seperti seorang kafir bertanya kepadanya dia hendak masuk Islam dan hendak mengucap dua syahadat, tetapi orang Islam itu tiada menyahut tujuan orang kafir itu, dengan tiada mengajar dia mengucap dua kalimah syahadat, atau katanya kepadanya : "Tunggu dahulu sehingga saya selesai dari kerja saya, atau selesai dari khutbah atau ucapan saya, atau ia beri isyarat kepadanya jangan kamu masuk Islam."

23. Berkata : "Aku tiada tahu adakah Nabi Muhammad (Sallallahu Alaihi Wasallam) itu manusia atau jin, atau katanya adalah Nabi Muhammad itu warnanya hitam atau ia mati sebelum tumbuh janggut, atau katanya Nabi Muhammad itu bukan bangsa Quraisy atau bukan bangsa Arab, atau bukan bangsa manusia, kerana berbuat bohong memberi sifat kepada Nabi Muhammad itu dengan bukan sifat Baginda yang sebenarnya Sallallahu Alaihi Wasallam atau katanya aku tiada tahu adakah dia dibangkitkan di Mekah dan mati di Madinah, atau negeri lain.

24. Mengaku diri sendiri menjadi Nabi, atau bercita-cita hendak jadi Nabi sesudah dibangkitkan Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam.

25. Berkata : Bahawa wali itu lebih afdhal dan utama daripada Nabi.

26. Seseorang mengaku menerima wahyu daripada Allah Taala sekalipun ia tiada mengaku jadi Nabi (seperti dakwaan setengah-tengah puak sesat di sebelah sini).

27. Berkata apabila zahir sifat ketuhanan, maka hilanglah sifat kehambaan yakni orang itu telah lepas dan bebas dari hukum-hukum Allah (bagaimana kata puak sesat dan salah di sebelah sini dan puak Batiniyyah).

28. Berkata bahawa sifat manusia telah fana pada sifat Tuhan, atau sifat manusia telah berubah menjadi sifat Tuhan, atau ia berkata: Bahawa ia telah melihat Allah dengan terang-terang dalam dunia, atau Allah bertutur kepadanya, atau Allah itu telah masuk menjelma ke dalam sesuatu rupa makhluk yang elok, atau katanya Allah Taala telah melepaskan dia dari segala hukum-hukum Islam (seperti kata-kata puak sesat dan kufur di sebelah sini). Atau katanya tinggalkan segala ibadat yang zahir itu dan buat amal yang batin (seperti kata-kata puak Batiniyyah dan puak sesat dan kufur di sebelah sini). Atau katanya: Aku ialah Allah (Ana Allah) sekalipun ia bersenda-senda dengan katanya itu (seperti kata kaum Taslim Lailahailla Ana).

29. Orang sakit yang merana berkata: Matikan aku kiranya kamu kehendak sama ada keadaan aku Islam atau kafir.

30. Orang yang kena berbagai-bagai kesusahan dan bala: Engkau ambil anak aku, engkau buat begini begitu dan apa lagi hendak engkau buat ke atas aku?.

31. Sujud kepada berhala, sujud kepada matahari, kepada bulan, kepada api atau kepada cross (salib) atau lain-lain makhluk.

Ini satu ringkasan jadual bagi mengetahui perkara yang membawa riddah dan keluar dari Islam.

Dahulu dari ini saya telah naqalkan ringkasan 20 perkara kufur, yang telah dihukumkan oleh Al-'Allamatud Dailami mengikut Kitab Al-Husamul-Battar, bahkan beratus-ratus bahkan beribu-ribu kufur yang telah dilakukan oleh puak Batiniyyah itu. Sila lihat di sana.

**Apa perkara yang wajib dibuat apabila berlaku riddah daripada seseorang Islam:**

Wajiblah di atas sesiapa yang berlaku riddah daripadanya, sama ada dalam iktikad, atau dalam perbuatan atau dalam perkataan, bagaimana telah tersebut dahulu dari ini, maka wajib ia meninggalkan perkara yang menjadikan ia murtad itu, dan wajib ia kembali kepada ugama Islam dengan segera dan tiada berlengah-lengah lagi, dan tiada berlaku kembali kepada ugama Islam melainkan hanya dengan mengucap dua kalimah dengan menuturkan Asyhadu-Allailahaillallah, Waasyhaduanna Muhammadarrasulullah dan tiadalah memada kembali pada Islam dengan menyebut dua kalimah itu dalam hati sahaja, dan wajib ia membuang akan perkara yang membawa akan dia menjadi murtad itu, dengan berlepas diri dari perkara yang menyebabkan riddah itu, dan wajib ia bertaubat dengan menyesal dari perkara yang membawakan dia menjadi kufur dan riddah itu, dan wajib ia tiada berazam (berkehendak) hendak balik pada seperti perkara kufur dan riddah yang telah berlaku daripadanya itu. Umat Islam telah ijma' bahawa orang kafir apabila ia masuk Islam dan ia bertaubat di atas melakukan kufur, maka sahlah taubatnya itu, sekalipun kekal dosa-dosa lain padanya, dan wajib di atas orang murtad itu qadhakan tiap-tiap perkara yang wajib dari perkara syarak yang telah luput daripadanya, dalam masa ia murtad, berkata Al-Imam Asy-Syafi'e Radhiallahu Anhu: Apabila didakwa seseorang itu di atas ia melakukan riddah atau ia telah murtad, padahal orang itu orang Islam, maka tiadalah saya tanya akan halnya, bahkan saya kata kepadanya: Mengucap kamu Asyhadualla-Ilahaillallah, Waasyhaduanna Muhammadarrasulullah dan bahawasanya kamu telah berlepas diri dari segala ugama yang menyalahi dan melawan ugama Islam itu.

Batal dengan sebab berlaku riddah itu, puasanya dan tayammumnya jika ia berpuasa dan membuat tayammum ganti wuduk atau hadas besar, begitu juga batallah akad nikahnya dengan isterinya yang Islam sebelum dukhul, begitu juga batal akadnya dengan isterinya setelah ia dukhul dengan isterinya itu, kiranya yang murtad sama ada laki-laki atau isteri tiada balik masuk Islam ketika edah masih ada.

Tiadalah sah akad nikah bagi orang murtad, dan haram kita makan binatang sembelihan orang murtad kerana sembelihannya itu jadi bangkai, dan orang murtad tiada mewarisi harta pesaka orang Islam dan orang Islam tiada mewarisi harta pesaka orang murtad, dan tiadalah sah disembahyangkan di atas bangkai orang murtad, dan tiadalah dimandikan dia, dan tiadalah dikafankan dia, dan tiadalah dikebumikan dia, tetapi jika bangkainya menyusahkan orang maka ditimbus bangkainya di bawah tanah, dan hartanya jadi Fei harta baitul-mal.

WALLAHUAKLAM.

(Bersambung)

## Dua kebakaran berlaku

BERAKAS. — Dua kejadian kebakaran berasingan telah berlaku baru-baru ini di Daerah Brunei dan Muara.

Kejadian kebakaran itu berlaku di Kampong Medewa yang meranapkan sebuah rumah, manakala di Kampong Orang Kaya Besar Imas meranapkan dua buah rumah.

Punca-punca kebakaran serta kerugian yang dialami setakat ini belum dapat diketahui.

## Waktu sembahyang, imsak dan matahari terbit

WAKTU-waktu sembahyang, imsak dan matahari terbit bagi Daerah Brunei-Muara, Tutong dan Temburong mulai dari hari Rabu 25 September, 1985 hingga ke hari Selasa 1 Oktober, 1985 adalah seperti di bawah ini : —

| HARI BULAN | ZUHUR | | ASAR | | MAGHRIB | | ISYAK | | IMSAK | SUBUH | | MATA-HARI TERBIT |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | Mulai | Berakhir | Mulai | Berakhir | Mulai | Berakhir | Mulai | Berakhir | | Mulai | Berakhir | |
| September | | | | | | | | | | | | |
| 25 | 12.19 | 3.35 | 3.36 | 6.22 | 6.23 | 7.34 | 7.35 | 4.51 | 4.37 | 4.52 | 6.08 | 6.09 |
| 26–30 | 12.18 | 3.34 | 3.35 | 6.20 | 6.21 | 7.32 | 7.33 | 4.50 | 4.36 | 4.51 | 6.07 | 6.08 |
| Oktober | | | | | | | | | | | | |
| 1 | 12.16 | 3.32 | 3.33 | 6.16 | 6.17 | 7.30 | 7.31 | 4.49 | 4.35 | 4.50 | 6.06 | 6.07 |

Waktu-waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendaklah ditambah tiga minit pada tiap-tiap waktu. Sembahyang Jumaat di seluruh Negara Brunei Darussalam dimulai dari pukul 12.45 tengah hari.

# SEMANGAT HIJRAH MENGHENDAKI SETIAP ORANG ISLAM SUPAYA MENGUBAH NASIB MEREKA




MARILAH kita bertakwa ke hadrat Allah dengan mengerjakan segala apa jua suruhan-Nya dan menjauhi segala apa jua larangan-Nya.

Sekarang kita berada dalam tahun baharu Hijrah, tahun 1406. Kita telah tinggalkan tahun 1405 dengan segala rupa pengalaman dan kenang-kenangan yang berupa suka duka, peristiwa susah senang keadaan yang semua itu adalah sukar untuk dilupakan. Seperti juga kita menghadapi tahun-tahun yang lepas dengan penuh azam dan cabaran maka tidak ada bezanya dalam tahun 1406 ini cabaran itu dapat kita duga akan lebih besar dan hebat lagi disebabkan tanggungjawab kita semakin bertambah serta persoalan-persoalan hidup semakin banyak untuk dihadapi. Semua itu akan terkumpul di bawah nama perjuangan, dan adapun sifat-sifat perjuangan yang baik dan tinggi nilainya ialah yang bersendikan keikhlasan serta jujur semata-mata kerana Allah.

Firman Allah Taala yang bermaksud kira-kira : *"Dan orang-orang yang berjihad (berjuang) pada jalan Kami (Allah) nescaya Kami tunjukkan mereka itu jalan-jalan Kami yang lurus, dan sesungguhnya Allah itu bersama orang-orang yang membuat kebajikan."*

Hijrah dalam bahasa kita bermakna 'pindah' tetapi hikmat dan tujuannya yang jauh bukanlah semata-mata dengan maksud berpindah tempat tinggal sahaja bahkan yang termasuk menjadi soal penting dari seluruh peristiwa Hijrah itu ialah bagi mendapatkan tapak yang sesuai ke arah mencari dan memperolehi kejayaan. Oleh sebab itu bagi kita umat Islam pada masa ini pengajaran hijrah yang penting haruslah dilihat dari segi memindahkan sesuatu sikap atau tabiat atau cara hidup yang kurang baik kepada yang baik atau dari yang baik kepada yang lebih baik lagi umpamanya berpindah dari perangai malas kepada rajin, dari tabiat suka membuang-buang wang dan masa kepada jimat cermat serta pandai menggunakannya pada perkara-perkara yang perlu, dari suka dan gemar melakukan kerja-kerja yang tidak disukai oleh Allah kepada patuh dan mentaati perintah-perintah-Nya dan lain-lain lagi. Semua contoh-contoh yang disebutkan ini bolehlah dimasukkan ke dalam pengertian hijrah, hijrah dalam erti membaikkan diri dan membersihkannya semata-mata kerana mengharapkan limpah rahmat Allah.

Demikianlah semangat hijrah itu menghendaki setiap orang Islam supaya mengubah nasib dan keadaan mereka. Jika sesuatu didapati salah dan merugikan maka hendaklah segera diaturkan langkah baru yang menguntungkan. Kesalahan tidak boleh dibiar selama-lama sebab kesalahan itu menurut syarak ialah mungkar yang dicela sedang kemungkaran itu tidak ada lain yang hendak dinamakan melainkan dosa. Sementara dosa yang bertimbun-timbun itu biasanya menjadi punca kecelakaan dan penderitaan kita di dunia ini dan lebih-lebih lagi di akhirat kelak.

# WANITA ISLAM WAJIB MENUTUP AURAH

*Menuju keredaan Allah*

SALAH satu daripada ciri-ciri yang menunjukkan kita sebagai wanita-wanita Islam yang beriman dengan menutup aurah kita.

Sebagai kaum wanita yang berugama Islam, kita adalah diwajibkan untuk menutup aurah kita dari pandangan kaum lelaki, kecuali muka dan kedua tapak tangan kita. Hal ini ada termaktub di dalam Al-Quran seperti Firman Allah di dalam Surah An-Nur ayat 31 yang bermaksud: *"Katakanlah kepada wanita yang beriman: Hendaklah mereka menahan pandangannya, dan memelihara kemaluannya, dan janganlah mereka menampakkan perhiasannya, kecuali yang biasa nampak daripadanya, dan hendaklah mereka menutupkan kain tudungnya ke dadanya, dan janganlah menampakkan perhiasannya, kecuali kepada suami mereka dan anak-anak mereka, atau anak-anak saudara laki-laki mereka, atau anak-anak saudara perempuan mereka, atau wanita-wanita Islam, atau budak-budak yang mereka miliki, atau pelayan-pelayan lelaki yang tidak mempunyai keinginan (terhadap wanita) atau anak-anak yang belum mengerti tentang aurah wanita. Dan janganlah memukulkan kakinya agar diketahui perhiasan yang mereka sembunyikan. Dan bertaubatlah kamu sekalian kepada Allah, hai orang-orang yang beriman supaya kamu beruntung."*

Dari ayat-ayat tersebut, jelas menunjukkan kepada kita bahawa setiap wanita yang mengaku dirinya sebagai mukminah adalah diwajibkan untuk menutup seluruh anggota badan mereka melainkan muka dan kedua tapak tangan mereka sahaja.

Jadi, cubalah kita tanya pada diri kita sendiri."Apakah kita telah mematuhi perintah Tuhan tersebut?" dan "Apakah kita telah melaksanakan kewajipan kita sebagai wanita-wanita yang bergelar mukminah?"

Sungguh mengecewakan sekali kerana amat sedikit bilangannya di antara kita yang menyedari akan hal tersebut. Contohnya dapat kita lihat dengan jelas sekali di mana wanita-wanita masakini banyak yang enggan untuk melaksanakan kewajipan tersebut. Dapat dikira bilangan wanita-wanita kita yang menutup aurah mereka dengan ikhlas, berbanding dengan mereka yang senghaja tidak mahu melakukannya ataupun terpaksa melakukannya kerana disebabkan oleh peraturan-peraturan pejabat dan sebagainya lagi.

Sikap wanita-wanita Islam kita yang begini adalah sangat-sangat dikesali. Apakah hal ini disebabkan oleh kurangnya pengetahuan mereka tentang hukum-hukum ugama Islam itu sendiri? Ataukah mungkin mereka senghaja melakukannya kerana disebabkan cuaca yang panas, tidak bersesuaian dan macam-macam lagi alasan mereka.

Walau bagaimanapun, hal ini adalah merupakan perintah Allah yang wajib kita laksanakan. Walau apa dan bagaimana sekalipun keadaannya, kita sebagai wanita-wanita yang berugama Islam adalah menjadi kewajipan kita untuk menutup aurah kita sebagaimana yang telah dinyatakan dalam Firman Allah yang tersebut tadi.

Jadinya, sebagai wanita-wanita Islam, cubalah untuk menyedari hakikat ini. Berusahalah untuk tidak mendedahkan aurah kita sebagaimana yang telah dituntut oleh ajaran ugama kita dan jadilah sebagai wanita-wanita Islam yang beriman dengan mengerjakan segala apa-apa jua perintah Allah dan menjauhi segala larangan-Nya.

# Pejabat Pos pilih wakil

BANDAR SERI BEGAWAN. — Pengiran Osman bin Pengiran Haji Ismail serta Dayang Hazizah binti Lahak, terpilih sebagai johan Pertandingan Membaca Ayat-ayat Suci Al-Quran Jabatan Perkhidmatan-Perkhidmatan Pos yang berlangsung di Rumah Persinggahan Kerajaan di sini minggu lepas.

Kedua peserta itu masing-masing menerima sebuah piala rebutan, kitab suci Al-Quran dan tikar sembahyang daripada Ketua Pos Agung, Awang Haji Suni bin Haji Idris.

Bahagian qari, tempat kedua disandang oleh Awang bin Mohammad, ketiga ialah Pengiran Jaludin bin Pengiran Buntar. Sementara itu bahagian qariah tempat kedua disandang oleh Dayang Dora binti Abdullah dan ketiga ialah Dayang Sharifah Hoslina binti Wan Deli.

Seramai 10 orang peserta yang terdiri daripada kakitangan jabatan tersebut telah menyertainya dan ianya diadakan ialah bagi memilih wakil jabatan itu ke pertandingan peringkat antara jabatan-jabatan di bawah Kementerian Perhubungan. Satu syarahan khas yang disampaikan oleh Ustaz Syed Moksin Al-Kaf turut menyerikan majlis pada hari itu.



KELIHATAN para pemenang peraduan membaca ayat-ayat suci Al-Quran bergambar ramai bersama hadiah-hadiah kemenangan mereka. — Gambar ihsan Jabatan Perkhidmatan-Perkhidmatan Pos.



Gambar menunjukan keluarga yang baru memeluk Islam.

# SEKELUARGA MEMELUK ISLAM

DAERAH BELAIT. — Satu majlis pengislaman bagi satu keluarga Dusun telah dilangsungkan pada 15 September, 1985 yang lalu bertempat di rumah Awang Abd. Rahman bin Abdullah di Kampong Kandol, Bukit Sawat, Ulu Belait.

Keluarga seramai 5 orang itu telah diketuai oleh Awang Mokti bin Gandong yang mana beliau telah melafazkan ikrar Islamnya di hadapan Imam Haji Ali bin Othman, Awang Rimba bin Tubai atau sekarang dikenali sebagai Awang Abdur Rahman bin Abdullah memeluk ugama Islam di hadapan Awang Haji Abd. Hamid bin Haji Tamat. Ini diikuti oleh Dayang Jamilah binti Rimba yang telah melafazkan ikrar Islamnya di hadapan Dayang Hajjah Zainab binti Abdullah dan beliau memilih nama Islamnya sebagai Dayang Jamilah binti Abdur Rahman. Sementara Dayang Kunoi binti Gandong atau sekarang dikenali sebagai Dayang Khadijah binti Abdullah dan Dayang Rani binti Kassim yang telah memilih nama Islamnya sebagai Dayang Hasinah binti Abdullah telah memeluk ugama Islam di hadapan Dayang Hajjah Fatimah binti Haji Seruddin.

Tetamu kehormat di majlis tersebut ialah Pemangku Ketua Pegawai Perkembangan Ugama, Dakwah dan Tabligh, Ustaz Haji Suhaili bin Haji Mohiddin yang juga telah menyampaikan hadiah dari Majlis Ugama Islam dan ucapan. Doa selamat telah dibacakan oleh Imam Haji Zainal bin Idris dan turut sama hadir meraikan majlis pengislaman tersebut ialah jemputan-jemputan khas dan Pegawai-Pegawai Ugama dari Jabatan Hal Ehwal Ugama.

## Jambori Nasional 1985:

# LEBIH 400 PENYERTAAN DITERIMA

BANDAR SERI BEGAWAN. — Sehingga tarikh penutup penyertaan pasukan-pasukan pengakap Negara Brunei Darussalam dan negara-negara jiran pada 31 Ogos lepas, Pejabat Urusetia Jambori Nasional telah menerima lebih 400 penyertaan dari negara-negara jiran seperti dari Sabah, Sarawak, Wilayah Persekutuan Labuan dan dari Pulau Palawan (Filipina), yang mana jumlah ini berkemungkinan akan bertambah apabila penyertaan di peringkat antarabangsa ditutup pada penghujung bulan September ini.

Walau bagaimanapun menurut Urusetia Jambori Nasional penyertaan pasukan-pasukan dari negara kita sendiri tidak begitu menggalakkan.

Oleh yang demikian urusetia tersebut menyeru kepada semua Pesuruhjaya-Pesuruhjaya Pengakap di semua daerah di negara ini agar menggunakan inisiatif masing-masing bagi menggalakkan penyertaan ahli-ahli pengakap dari daerah masing-masing menyertai dan menjayakan jambori ini.

Sementara itu Ketua Unit Perkembangan Tapak Jambori yang juga selaku Timbalan Pengerusi II Jawatankuasa Tertinggi Jambori Nasional, Awang Ahmad bin Dato Matnoor mengucapkan terima kasih atas kerjasama dan bantuan serta penglibatan dari jabatan-jabatan Kerajaan dalam kempen pembersihan tapak jambori tersebut dan berharap pembersihan tapak itu akan dapat diselesaikan menurut jadualnya.

Beliau juga menjelaskan bahawa pembinaan bangunan-bangunan bagi keperluan jambori dan pembahagian subkem-subkem akan dimulakan sebaik-baik sahaja pembersihan kawasan selesai dijalankan.

# BRUNEI SERTAI KEJOHANAN TREK DAN PADANG ASIAN

BANDAR SERI BEGAWAN. — Persatuan Olahraga Amatur Brunei (BAAA), kini mengatur beberapa rancangan bagi menghadapi kejohanan Sukan Asia Tenggara ke-13 (SEA Games) di bangkok akan datang.

Awang Haji Abdul Razak Bongsu, Setiausaha Kehormat BAAA memberitahu bahawa rancangan-rancangan yang telah diatur itu termasuklah menganjurkan kejohanan olahraga terbuka kebangsaan dan juga kejohanan olahraga antara daerah-daerah.

Kejohanan-kejohanan tersebut katanya bertujuan bagi membuat persiapan untuk menghadapi Sukan SEA nanti.

Dalam pada itu BAAA juga akan menyertai kejohanan Trek dan Padang Asian ke-6 yang akan berlangsung di Jakarta bermula pada hari ini dengan disertai oleh dua orang pegawai dan seorang jurulatih. Seramai lima orang olahragawan telah dipilih ke kejohanan itu. Mereka yang terpilih ialah Taha Tahir bagi acara 3,000 meter lari berhalangan, Roslan Baha lari 1,500 meter, Hashim Ali lari 800 meter, Metusin Sumpoog lari 400 meter dan Yahya Haji Sirat dalam acara lompat jauh dan lompat kijang.

Mengulas mengenai prestasi pasukan olahraga kebangsaan dalam kejohanan Sukan Borneo baru-baru ini, beliau merasa gembira di atas kejayaan peserta-peserta kerana berjaya mengatasi banyak rekod kebangsaan. Melalui kejohanan itu para peserta kita sudah tentu banyak mendapat pengalaman dan pendedahan yang meluas.

Sebanyak lapan rekod kebangsaan berjaya diatasi seperti, lari 400 meter lelaki dan perempuan, lompat jauh lelaki, lari 1,500 meter perempuan, lari berganti-ganti 4x100 meter lelaki, lompat tinggi perempuan, lari 800 meter perempuan, dan lari 4x400 meter perempuan.

"Meskipun kita ketinggalan di segi pungutan pingat dalam kejohanan itu, akan tetapi prestasi yang ditunjukkan oleh mereka sangat menggalakkan terutama dalam memperbaiki beberapa rekod-rekod kebangsaan," ujarnya.

Dalam segi pengendalian pula pihak beliau berjaya mengendalikan kejohanan itu dengan lancar tanpa sebarang gangguan, hasil daripada kerjasama pelbagai pihak.

"Negeri Sabah dan Sarawak amat berpuas hati dengan layanan kita, terutama di segi penginapan, kenderaan dan lain-lain segi," jelasnya lagi.



IMBAS kembali kemenangan Talib Tahir dalam acara lari 1,500 meter. Mengikut di belakang ialah Roslan Baha yang meraih pingat perak dalam acara yang sama.



KETUA Pasukan ABDB, Pg. Tajuddin menerima Piala yang disampaikan oleh Pesuruhjaya Polis, YAM Pengiran Putera Negara Pengiran Omar. — Gambar oleh Pg. Haji Yaakub.

# ABDB JUARA B-SEPAK JABATAN BERUNIFORM

Oleh Ahat Ismail

HASIL daripada dua jaringan gol yang dibuat dalam separuh masa pertama merupakan pukulan penyudah bagi ABDB menumpaskan Pasukan Polis di perlawanan akhir kejohanan bola sepak antara jabatan-jabatan Kerajaan beruniform.

Kedua-dua gol yang membawa kemenangan ABDB tersebut dihasilkan oleh Suhaimi Haji Karim melalui minit-minit ke-2 dan ke-24 separuh masa pertama.

Suhaimi menjaringkan gol pertamanya melalui kelemahan penjaga gol Polis ketika bola yang disepak oleh Suhaimi terlepas daripada tangkapannya dan terus masuk ke dalam gawang.

Kemudian gol kedua pula ialah hasil gerakan lop daripada hantaran Aji Hussien dan diterima dengan baik oleh Suhaimi dan dengan mudah menewaskan pemain-pemain pertahanan Polis serta seterusnya merembat masuk dengan mudah.

Separuh masa kedua, kedua pasukan gagal menjaringkan sebarang gol. Meskipun begitu, Pasukan Polis sering melancarkan serangan-serangan melalui rangkaian penyerang-penyerang berpengalaman mereka seperti Ak Zamani, Roslan, Zulkifli serta pemain yang kini sedang meningkat, Faisal.

Kesemua serangan yang dilakukan itu tidak mendatangkan sebarang hasil dan dengan mudah berjaya dipatahkan oleh pemain-pemain pertahanan ABDB yang dikepalai oleh pemain pertahanan berpengalaman, Pengiran Tajuddin.

Sebaliknya, ABDB banyak memperolehi peluang kemasukan untuk mencetak gol, akan tetapi dengan ketangkasan penjaga gol Polis segala percubaan itu dapat diselamatkan. Sehingga perlawanan ditamatkan terus kekal 2 — 0 dan ABDB menjuarainya tahun ini.

# Lumba basikal jarak jauh Kuala Belait — Muara

MUARA. — Persatuan Lumba Basikal Amatur Brunei (PLBAB), telah mengadakan kejohanan lumba basikal jarak jauh antara Kuala Belait-Muara minggu lepas.

Lebih dari 85 orang pelumba diseluruh negara menyertai perlumbaan itu dengan dibahagikan kepada tiga kumpulan iaitu perseorangan senior, junior dan berpasukan.

Menurut jurucakap PLBAB kejohanan itu adalah merupakan kegiatan tahunan sempena menyambut Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Pemenang pertama bahagian senior dimenangi oleh Ngo Ho Pang, kedua Shahfiee Mohd. Salleh dan ketiga Gee Nyok San.

Ngo Ho Hing, ketiga Desmond Chan York Kwang, keempat Abas Haji Salim kelima Ngo Ho Choo.

Bahagian junior disandang oleh Han Kung Kwang, kedua

Manakala dalam bahagian berpasukan dijuarai oleh Pasukan Persatuan Lumba Basikal Brunei, kedua Yong Brothers, ketiga Implasi Team, keempat Sigantar Alam 'A' dan kelima Team Colombus.



PELUMBA-PELUMBA mulai berlepas meninggalkan Kuala Belait menuju ke Muara dalam kejohanan lumba basikal peringkat negara baru-baru ini.

# Pembelajaran anak-anak perlu dikawal

BERAKAS. — Para pengusaha persendirian di bidang pendidikan dan pembelajaran pra-sekolah dan rendah diseru supaya menjaga harapan kepada pertumbuhan baik anak-anak sentiasa terkawal.

Awang Haji Mohammad bin Haji Serudin, Pegawai Daerah Brunei-Muara, berkata salah satu usaha ke arah itu ialah dengan menyediakan tenaga-tenaga pengajar yang sesuai dan berpengalaman.

Awang Haji Mohammad berkata, alam pendidikan dan pembelajaran pra-sekolah dan rendah adalah tidak kurang pentingnya, di mana ia secara langsung adalah antara permulaan penanaman alam pembelajaran yang mesti diperkirakan sebaik-baiknya dengan tepat.

Menjelaskan demikian ketika merasmikan Sukan Pendidikan Sekolah Nusa Laila Puteri kali keempat baru-baru ini Awang Haji Mohamad menjelaskan bahawa kita seharusnya berbangga dengan usaha-usaha secara persendirian di alam pendidikan dan pembelajaran, sebagai satu kesedaran dan tanggungjawab umum dalam membantu pertumbuhan pelajaran di negara ini, di mana ia lebih memerlukan dedikasi dan beban yang berat.

"Saya sendiri berkeyakinan di samping menyedari usaha ini sebagai membantu tanggungjawab terhadap alam pendidikan, Kerajaan sendiri tentu memikirkan aspek-aspek yang seharusnya akan diikuti bagi kebaikan semua pihak," tegasnya lagi.

Menyentuh tentang sukan yang berlangsung di Padang Kebajikan, Belia dan Sukan di sini, Awang Haji Mohammad menegaskan bahawa ia secara langsung membantu pertumbuhan mental anak-anak. Kegirangan, kesihatan, perasaan berpasukan dan bergaul mesra adalah satu bantuan kuat bagi pertumbuhan sihat dalam pembelajaran.

# Seminar Kefahaman Aqidah Ahlussunnah Wal-Jemaah

# SUATU SOROTAN

Bilik persidangan Pusat Dakwah Islamiah yang sewaktu pembukaan rasminya cuaca cukup nyaman dengan kedinginan penyejuk hawa dingin di waktu pagi, keselesaan itu rupanya tidak membawa ke sebelah petang. Sebelah petang dalam mana Seminar Kefahaman Aqidah Ahlussunnah Wal-Jemaah dimula dengan pembentangan kertas kerja oleh YDM Pehin Datu Imam Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Hamid bin Bakal dengan tajuk "Perlunya Aqidah Ahli Sunnah Wal-Jemaah Dipertahankan dan Diperkembangkan" keadaan dewan cukup hangat kerana setelah penyejuk hawa dingin tidak berfungsi, ditambah lagi dengan voltage yang begitu kuat dari sinaran lampu bagi kegunaan tv. Dalam kehangatan begitu, para peserta terpaksa memerah otak jua untuk lebih memahami persoalan yang ditimbulkan oleh pembentang kertas kerja.

Susunan Mohd. Salleh Abd. Latif



PARA peserta Seminar Kefahaman Aqidah Ahlussunnah Wal-Jemaah. — Gambar oleh Ak. Bahar PHO.

### Aqidah Ertinya Kepercayaan

Aqidah ertinya kepercayaan. Ahli sunnah ertinya penganut sunnah Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam. Wal Jemaah ertinya penganut kepercayaan atau aqidah jemaah sahabat-sahabat Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam. Jadi Ahli Sunnah Wal Jemaah bererti kepercayaan penganut sunnah Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam, demikian kata YDM Pehin Kadi Besar Brunei di hadapan para peserta yang terdiri daripada ketua-ketua dan timbalan ketua-ketua jabatan, pegawai-pegawai Kementerian Pelajaran, pegawai-pegawai tadbir, pengetua sekolah menengah kerajaan, pegawai-pegawai ugama, guru besar ugama, ketua-ketua ugama dan imam-imam.

Perpaduan sebenar umat Islam hanya akan dapat dicapai dengan lebih sempurna menerusi penyatuan aqidah sebagaimana di zaman Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dan di zaman para sahabat katanya, lalu dalam keadaan keghairahan para peserta untuk mendengar ceramah selanjutnya, YDM Pehin Datu Imam menyuarakan dua belas cara bagi umat Islam mempertahankan dan mengembangkan aqidah Ahli Sunnah Wal-Jemaah sebagai pembuka jalan dengan keyakinan bahawa masih banyak jalan-jalan lain yang dapat difikirkan bersama.

### Mengenal Pasti

Seminar Kefahaman Aqidah Ahli Sunnah Wal-Jemaah yang bertemakan 'Aqidah Ahli Sunnah Teraju Penyelamat Umat'' berlangsung selama empat hari yang dimulakan pada 16 September 1985 dengan pembentang kertas kerja terdiri dari para ilmuan tempatan, dari Malaysia dan dari Indonesia. Inilah jua pertama kali seminar serupa ini diadakan dengan tujuan bagi meningkatkan serta menyebarkan kefahaman umat Islam terhadap aqidah Ahli Sunnah Wal-Jemaah sebagai satu-satunya aliran yang boleh memperkuat kedudukan umat Islam dan boleh menyatupadukan dunia Islam dalam usaha menegakkan Islam dan dakwah Islamiah di arena antarabangsa.

Lapan buah kertas kerja dibentangkan yang cukup memaksa untuk kita berfikir secara mendalam sifatnya kita sebagai suatu bangsa yang bernaung di negara Melayu Islam Beraja yang merdeka, berdaulat dan demokratik bersendikan kepada ajaran-ajaran ugama Islam menurut Ahli Sunnah Wal-Jemaah.

Umat Islam dikehendaki mengenal pasti apa dia aqidah Ahli Sunnah Wal-Jemaah, ini adalah saranan pertama dari 12 saranan yang disuarakan oleh YDM Pehin Datu Imam yang punya pendidikan di Sekolah Aljuned, Kolej Islam Klang dan Universiti Al-Azhar, Mesir. Saranan kedua, umat Islam dikehendaki mengenal pasti segala atau sebahagian besar aqidah-aqidah yang bertentangan dengan aqidah Ahli Sunnah Wal-Jemaah agar dapat membezakannya. Ketiga, ibu bapa digalakkan mengajar ahli keluarganya terutama anak-anak tentang aqidah Ahli Sunnah Wal-Jemaah dalam kehidupan seharian dan mempastikan keluarga tidak dipengaruhi oleh aqidah-aqidah yang berlawanan dengannya.

Keempat, sistem persekolahan perlu memberi keutamaan agar aqidah Ahli Sunnah Wal-Jemaah ditanam dan diperkembangkan secara perlahan-lahan dari peringkat rendah sehingga peringkat tinggi sesuai dengan tahap pemikiran para pelajar. Kelima, ajaran tauhid dengan lebih halus bagi mengenal pasti aqidah-aqidah Ahli Sunnah Wal-Jemaah diperluaskan di peringkat kolej serta universiti. Keenam, kawalan yang ketat terhadap setiap penerbitan buku bercetak atau bahan bercetak bagi mengelakkan pengaruh berbagai aqidah yang bertentangan dengan aqidah Ahli Sunnah Wal-Jemaah. Ketujuh, kawalan-kawalan mengenainya juga dikenakan dalam apa jua rancangan media elektronik dan media masa lainnya. Kedelapan, umat Islam secara menyeluruh hendaklah memberikan kerjasama sepenuhnya kepada Kerajaan dengan cara melaporkan sesegaranya untuk diambil tindakan sebarang kegiatan yang cuba mengembangkan aqidah yang bertentangan dengan mazhab Ahli Sunnah Wal-Jemaah baik dari luar negeri mahupun dalam negeri.

### Pusat Dakwah

Kadi Besar yang pernah menjalani kursus fatwa di Pejabat Mufti Besar Mesir pada bulan Disember 1975 hingga November 1976 ini menyuarakan peranan yang aktif dari Pusat Dakwah sendiri sebagai saranannya yang kesembilan, bukan saja dari segi penyebaran malah dari segi penyelidikan. Kesepuluh, media elektronik haruslah mengatur rancangan khas bagi lebih memperkenalkan lagi Ahli Sunnah Wal-Jemaah kepada orang ramai di samping membuat perbandingan, dengan lain-lain aqidah yang bertentangan.

Kesebelas, Pusat Dakwah patut mengadakan kursus khas kepada orang ramai dari semua peringkat bagi penerangan aqidah Ahli Sunnah Wal-Jemaah secara meluas. Dua belas, Pusat Dakwah patut menjemput ulama-ulama dari dalam dan luar negeri untuk memberi ceramah berhubung dengan aqidah Ahli Sunnah Wal-Jemaah.

### Menggunakan Kedudukan

Kertas kerja kedua bertajuk "Dasar-Dasar Ahli Sunnah Wal-Jemaah Dalam Pentadbiran Negara" telah ditulis dan disampaikan oleh YDM Pehin Datu Seri Maharaja Dato Seri Utama Haji Ismail bin Omar Abdul Aziz di hari kedua seminar tersebut.

Mufti Kerajaan Brunei Darussalam yang dilahirkan di Johor 75 tahun yang lalu menyatakan bahawa pada waktu sekarang ada ketua-ketua negara Islam yang tiada dapat fahaman yang mendalam tentang Islam, akibatnya mereka menggunakan kedudukan mereka dengan menegah umat Islam dari mengembangkan cita-cita hidup secara Islam. Kerananya kepentingan kemudahan pelajaran ugama dan semangat hidup secara Islam diserapkan di peringkat persekolahan dari rendah hingga ke pusat pengajian tinggi, dalam pada itu cara hidup Islam ini harus disemai melalui pertemuan-pertemuan di masjid, surau dan lain-lain tempat bermuzakarah. Hal ini hendaklah diamalkan oleh semua lapisan masyarakat baik mereka itu tentera, bukan tentera, pegawai tinggi mahupun dari kalangan rakyat jelata yang berpendapatan rendah.

### Kenali Diri Sendiri

"Apabila manusia itu telah kenalkan dirinya sebagai hamba Allah, dan dia tahu bahawa dia ada mempunyai Tuhan disembah, dan dia akan ditanya serta disoal, dan dikira perbuatannya di padang Mashar pada hari kiamat kelak, dan kuasanya hanya sebagai pinjaman sementara, maka dari itu ia akan insafkan dirinya dan ia memerintah, memegang amanah yang ada di bawah tangan dan kuasanya itu, dengan insaf dan hati-hati. Ini dia satu dari kesan-kesan yang baik, ia membuat keadilan, jujur, amanah, ikhlas, usaha, rasa tanggungjawab, tiada rasuah, tiada pilih kasih dalam suatu pemerintahan. Maka iktikad dan kepercayaan yang betul dan benar menurut Ahli Sunnah Wal-Jemaah mendatangkan sifat amanah, keadilan, insaf, keamanan, tenteram, hidup sentosa, tiada bimbang, tiada resah pada nyawa dan harta orang ramai dan orang yang diperintah," demikian jelas YDM Pehin Datu Seri Maharaja yang mendapat pelajaran awal di Malaya. Tahun 1927 menunaikan fardu haji ke Mekah. Menuntut di Mesir pada tahun 1938 hingga 1948 dan dari Universiti Al-Azhar memperolehi Shahadah 'Aliyah (B.A.), Darjah Alim dan Perguruan, Shahadah 'Alamiah (M.A), serta Lisanisiah dalam kesusasteraan.

Banyak persoalan-persoalan yang ditimbulkan oleh para peserta yang cukup mendebarkan suasana sehinggalah ada sejumlah 40 pertanyaan dikemukakan. Namun semuanya dapat dijawab oleh Mufti meski dalam suatu jawapan ada sudah penegasan dalam kertas kerja yang dibentangkan, suatu sikap diplomasi yang wajar dicontohi oleh semua orang. Kita maklum hal ini kerana yang berbicara adalah Mufti!

Memang kebanyakan soalan cukup matang dikemukakan, tapi ada juga sebuah dua yang seolah-olah soalan titik-bengek yang hanya bertujuan untuk menguji kebolehan seseorang, ya, sekadar mahu mengadu-domba.

### Penyelewengan

Banyak perkara-perkara yang menyesatkan telah meresap masuk menyelewengkan aqidah umat Islam termasuk orang-orang Melayu dengan berbagai-bagai cara dan bentuk, dan setengah pengajaran-pengajaran sesat itu disebarkan dan diajarkan secara senyap dengan begitu rupa oleh pengembang-pengembangnya yang sentiasa menunggu-nunggu dan mencari kesempatan yang difikirkan munasabah bagi mencapai tujuan mereka dan sasarannya ialah orang yang jahil dalam ugama, demikian kata Awang Haji Suhaili bin Haji Mohiddin, Pegawai Ugama Kanan yang pernah menjalani kursus Commonwealth & Overseas Education Certificate, Birmingham University, England di samping memperoleh ijazah dari Universiti Al-Azhar sewaktu membentangkan kertas kerjanya yang bertajuk "Penyelewengan Dari Dasar Aqidah Ahli Sunnah Wal-Jemaah Pada Masa Sekarang Dan Saranan-Saranan Untuk Mengatasinya".

Ada penyelewengan kerana kebodohan, ada pula yang senghaja dan direncanakan dengan mempunyai pelbagai tujuan baik orang Islam sendiri, pihak di luar Islam, atau musuh-musuh Islam tetapi memang setengah penyelewengan itu dapat dibenteras serta diperbetulkan kembali berdasarkan aqidah Ahli Sunnah, ia selalunya setelah melalui rintangan dan perjuangan yang agak panjang.

Awang Haji Suhaili yang berumur 43 tahun menjelaskan juga bentuk-bentuk penyelewengan itu seperti syirik, menyekutukan Allah dengan sesuatu secara sedar, dinamisme (kepercayaan adanya 'tenaga yang tak berperibadi' dalam diri manusia, haiwan, tumbuh-tumbuhan, benda-benda falam, kata-kata yang diucapkan atau dituliskan, dalam tanda-tanda yang dirakam dan lain sebagainya), mempercayai keramat, kepercayaan hari nahas, berpawang, percaya kepada perkara-perkara mistik dan perkara-perkara ghaib, ajaran-jaran sesat, dan lain-lain lagi yang merosakkan aqidah. Sedangkan kepercayaan yang baik adalah landasan hidup bahagia, jiwa kepada aqidah. Kerananya melindungi aqidah dan tauhid adalah tugas utama dalam Islam. Manakala membenteras kepercayaan yang boleh merosakkan aqidah dan menyesatkan iman merupakan perintah yang mendapat keutamaan agar akan terpeliharalah masyarakat Islam dari pencemaran aqidah dan terselamatlah ia dari syirik dan maksiat kesesatan.

Pengetahuan yang mendalam tentang aqidah Ahli Sunnah Wal-Jemaah perlu diketahui oleh umat Islam di samping peranan yang positif dari semua pihak baik dari alam persekolahan mahupun alat-alat media eletronik dan media cetak untuk menyebarluaskan kefahaman mengenainya adalah merupakan saranan-saranan yang baik untuk membenteras penyelewengan-penyelewengan ini.

### Tanggungjawab Pendidikan

YDM Pehin Tuan Imam Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned yang dalam tahun 1969 memperolehi Ijazah Sarjana Muda (B.A.) dalam jurusan Perundangan Islam dari Universiti Al-Azhar membentangkan kertas kerja bertajuk "Aqidah Ahli Sunnah Wal-Jemaah Dalam Pendidikan."

Tanggungjawab pendidikan itu terbahagi kepada tujuh, demikian kata Timbalan Kadi Besar yang sewaktu belajar di Kolej Islam Malaya, ia lebih dikenali dengan nama pena Adi Rumi kerana aktifnya menulis puisi.

Pertama, tanggungjawab dari segi keimanan iaitu bagi menanam dan memelihara iman, kedua, tanggungjawab dari segi akhlak — bagi mengenalkan prinsip-prinsip akhlak yang mulia serta mengamalkannya sebagai cara hidup. Tiga, tanggungjawab dari segi fizikal — bagi menuju kesihatan dan kecerdasan yang sebenar-benarnya. Empat, tanggungjawab dari segi mental — untuk membina pemikiran-pemikiran yang bernas dan sihat berdasarkan fakta-fakta kebenaran. Lima, tanggungjawab dari segi kewajipan atau ilmu jiwa pendidikan — untuk membina sifat-sifat yang terpuji. Enam, tanggungjawab dari segi kemasyarakatan untuk menimbulkan sifat-sifat ukhowah yang menjadi asas keteguhan umat. Dan ketujuh ialah tanggungjawab pendidikan dari segi masalah kejenisan-kejenisan untuk memberi kefahaman yang betul dalam perkara ini berdasarkan syarak.

Tujuh tanggungjawab pendidikan di atas disuarakan oleh YDM Pehin Tuan Imam walaupun ia cuma memberi keutamaan kepada dua perkara iaitu tanggungjawab pendidikan dari segi keimanan dan tanggungjawab pendidikan dari segi akhlak.

Pendidikan ke arah keimanan ialah suatu usaha untuk mengikat kanak-kanak daripada semenjak dia mula berakal atau mumaiz lagi dengan perkara-perkara yang berkaitan dengan aqidah seperti beriman dengan Allah, Malaikat, Kitab-Kitab Allah, Rasul-Rasul, mempercayai Malaikat, Munkar dan Nankir, bangkit pada hari kiamat. Manakala pendidikan dari segi akhlak ialah himpunan segala Mabadi atau dasar-dasar ajaran akhlak yang mulia yang dibawa oleh Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam kerana akhlak yang mulia adalah buah dari keimanan yang sempurna dan aqidah yang rasikhah.

(Bersambung)

# BEKALAN AIR BAGI DUA BUAH KAMPUNG

PENDUDUK-penduduk Kampong Sungai Liang dan Lumut di Daerah Belait kini memperolehi bekalan air yang mencukupi.

Sebelum itu bekalan air dari Kampong Lumut ke Kampong Sungai Liang amatlah susah sekali disebabkan oleh tekanan air yang sangat rendah sehinggalah pemasangan saluran baru dijalankan di antara Kerajaan melalui Jabatan Kerja Raya dan Shell Brunei.

Dalam perbincangan-perbincangan awal antara pihak JKR dan Shell Brunei telah dijalankan bagi memperbaiki keadaan. Akhirnya BSP telah bersetuju untuk membekalkan para pengguna air di kedua-kedua kampung berkenaan dari saluran paipnya di Anduki sementara JKR memasang saluran paip yang berukuran dua batu panjang.

Pada 20 Ogos yang lalu saluran tersebut telah memulakan perkhidmatannya. Penghulu Mukim Seria, Pengiran Haji Mohd. Yusof bin Pengiran Ahmad telah dijemput dalam satu majlis ringkas bagi membuka bal utama saluran itu.






GAMBAR memperlihatkan Pengiran Haji Md. Yusof bin Pengiran Ahmad, Penghulu Mukim Seria sedang membuka bal saluran paip air bagi Kampong Lumut dan Kampong Sungai Liang.

## IKUTI KURSUS SETIAUSAHA

LIMA orang kakitangan wanita telah dipilih untuk mengikuti kursus setiausaha selama lapan bulan bertempat di Maktab Teknik Sultan Saiful Rijal di Jalan Muara. Kursus setiausaha sedemikian adalah merupakan kali pertama diadakan.

Mereka yang terpilih mengikuti kursus itu ialah Dayang Hajijah binti Ahmad dari Jabatan EM, Dayang Roslind Ernest dari EDE, Dayang Jamilah Jaya dari FOS, Dayang Suriaty binti Haji Idris dari ECO dan Dayang Fatimah binti Haji Ibrahim dari LNG Brunei.

Kursus tersebut telah bermula pada 2 September lalu bertempat di Maktab Teknik Sultan Saiful Rijal.

# Rencana Latihan Penyelia bermula bulan Mac

SATU rencana latihan yang baru telah diperkenalkan dan diperkembangkan khusus bagi kakitangan pengeluaran luar pantai. Adalah dijangkakan bahawa pelancarannya akan diadakan pada penghujung bulan Mac tahun depan.

Production Offshore Supervisory Training (POST) adalah merupakan tajuk projek latihan yang dicadangkan. Ianya dijangka akan menambahkan lagi kemahiran-kemahiran para peserta di segi penyeliaan.

Adalah difahamkan bahawa rencana latihan itu adalah sangat berguna kepada kakitangan yang berpotensi di Jabatan Pengeluaran.

Keseluruhan rencana itu dijangka akan memakan masa selama lima tahun dan apabila telah tiba masanya kakitangan warganegara Brunei Darussalam yang berkelayakan dapat menggantikan semua tempat yang sekarang ini diduduki oleh ISS.

Jabatan Pengeluaran juga berhasrat untuk menghantar seramai 10 orang kakitangannya yang dikategorikan dalam SSS bagi mengikuti kursus yang pertama diadakan di Pusat Latihan. Latihan itu akan berjalan selama enam bulan yang meliputi kemahiran-kemahiran penyeliaan dan juga teknik-teknik pengeluaran.

Di samping itu, jabatan berkenaan juga sedang merancang untuk mengadakan beberapa kursus bagi rekrut-rekrut baru dan bagi kakitangan TAS demi untuk membolehkan mereka mencapai ke taraf SSS di kemudian hari kelak.

# PENGENDALI STESEN MINYAK HADIRI SEMINAR

SYARIKAT Pemasaran Shell Brunei Sendirian Berhad (BSM) telah mengadakan seminar bagi pengendali-pengendali stesen penjualan minyak Shell Brunei bertempat di ibu pejabatnya di Bandar Seri Begawan pada 23 Ogos yang lalu.

Seminar sehari itu bermula dengan ucapan alu-aluan oleh Pengurus Am Pemasaran Syarikat, Awang Bruce Randoll.

Ketua Bahagian Penjualan di pemasaran tersebut, Awang Md. Zein bin Mohammad dan Pegawai Keselamatan Syarikat, Awang Swee Sui telah juga memberikan ceramah di seminar itu.

Antara tajuk-tajuk yang diberikan termasuklah objektif-objektif perdagangan dan pemasaran, fungsi keuntungan, keselamatan dan pembisaian, perhubungan, tugas wakil pemasaran, hasil-hasil setelah penjualan/bahan pelicin, pameran hasil dan pembuatan, kerugian-kerugian hasil yang dikeluarkan serta pembenterasnya.

Seminar sehari suntuk itu berakhir dengan perbincangan am.



PESERTA-peserta seminar bagi pengendali stesen minyak sedang mendengarkan ceramah yang disampaikan oleh Awang Md. Zein bin Mohammad.



KETUA Latihan Perkembangan, Awang Raul Mirasol memberi penerangan kepada pekerja-pekerja di ibu pejabat SMSBB baru-baru ini.



JABATAN Hal-Ehwal Awam Shell Brunei telah menerima sekumpulan seramai 20 orang pelawat dari negara Jepun pada bulan lalu. Mereka terlebih dahulu diberikan taklimat ringkas mengenai latar belakang sejarah BSP, organisasi dan kegiatan-kegiatan masakini yang disampaikan oleh Awang Abed bin Abd Hamid, Pegawai Perhubungan Sekolah-Sekolah bertempat di Pusat Penerangan, Seria. Para pelawat Jepun itu kemudiannya dibawa melawat ke beberapa bahagian antaranya termasuklah Loji Penapis Minyak Brunei dan ke Kompleks Penggalian Darat ia itu 'Light Land Rig 2' di Kawasan F/27.

# Mahasiswa sampaikan ceramah

MAHASISWA-mahasiswa yang pada masa ini sedang ditempatkan di berbagai-bagai jabatan fungsi DM dan XM masing-masing telah mengadakan penyampaian ceramah mengenai dengan projek-projek yang sekarang mereka hadapi yang berlangsung di ibu pejabat syarikat itu baru-baru ini.

Pelajar-pelajar tersebut telah memberikan ceramah tentang beberapa tajuk yang berkaitan dengan tugas-tugas mereka dengan diperhatikan oleh Pengurus Perkembangan, Awang Graham Precious, penyelia masing-masing dan para penuntut lainnya yang sedang bertugas dengan SMSBB.

Tujuan utama dijalankan penyampaian ceramah itu adalah untuk mempermajukan lagi mutu kemahiran cara penyampaian setiap mahasiswa kerana mereka ini dijangka akan tampil sedemikian apabila mereka bekerja dengan syarikat kelak.

# JAWATAN KOSONG DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

## DI DALAM PERKHIDMATAN-PERKHIDMATAN KERAJAAN

PERMOHONAN adalah dipelawa daripada calon-calon yang terdiri dari rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk memenuhi jawatan-jawatan kosong yang berikut di dalam Perkhidmatan-Perkhidmatan Kerajaan, Negara Brunei Darussalam.

1. TUKANG PELAN

( Di Jabatan Penerbangan Awam, Kementerian Perhubungan ) ( Bil : 111/1985-1 )

**Tanggagaji :** D. 1-2-3 EB. 4-5 — $530-$1625 sebulan.

**Kelayakan dan Pengalaman :**

a) Mestilah berumur tidak kurang dari 20 tahun.
b) Mestilah sekurang-kurangnya mempunyai Sijil Rendah Pelajaran Brunei atau yang sebanding dengannya dengan mendapat kepujian dalam mata pelajaran Lukisan dan Ilmu Hisab atau Sains, dan lulus Bahasa Inggeris.
Keutamaan akan diberi kepada pemohon-pemohon yang mempunyai kelulusan yang lebih tinggi.

**Tugas-tugas :**

Tugas-tugas termasuklah menyediakan carta, peta dan gambar rajah bagi Penerbitan Penerangan Penerbangan (AIP), dan menjilid dan menyusun lain-lain dokumen dan penerbitan jabatan yang berkenaan.

2. PEMBANTU TAKLIMAT

( Di Jabatan Penerbangan Awam, Kementerian Perhubungan) ( Bil : 111/1985-2 )

**Tanggagaji :** D. 1-2-3 EB. 4-5 — $530-$1625 sebulan.

**Kelayakan dan Pengalaman :**

a) Mestilah berumur tidak kurang dari 20 tahun.
b) Mestilah sekurang-kurangnya mempunyai Sijil Rendah Pelajaran Brunei atau yang sebanding dengannya dengan mendapat kepujian dalam Bahasa Inggeris dan Ilmu Hisab atau Sains;
Keutamaan akan diberi kepada pemohon-pemohon yang mempunyai kelulusan yang lebih tinggi.
c) Adalah menjadi satu kelebihan kepada mereka yang fasih bertutur Bahasa Inggeris dan mempunyai minat dan pengetahuan dalam hal-hal penerbangan.

**Tugas-tugas :**

Menyediakan Perkhidmatan Penerangan mengenai penerbangan, mengumpulkan dan menyebarkan maklumat penerbangan untuk keselamatan lalulintas udara. Tugas-tugasnya termasuklah memberi taklimat juruterbang, menyediakan "Route Bulletins", mengutip bayaran mendarat dan meletak bagi kapal terbang yang tidak dalam jadual dan mengemaskinikan dokumen penerbangan yang penting.

3. PENGENDALI PENYEDIAAN DATA

( Di Jabatan Tanah, Kementerian Pembangunan) ( Bil : 111/1985-3 )

**Tanggagaji :** D. 1-2-3 EB. 4-5 — $530-$1625 sebulan.

**Kelayakan dan Pengalaman :**

Calon-calon hendaklah lulus sekurang-kurangnya 2 mata pelajaran dalam Sijil Am Pelajaran Peringkat Biasa serta mempunyai minat dalam kira mengira dan pengetahuan dalam Bahasa Inggeris.

**Tugas-tugas :**

Memasukkan data ke dalam komputer melalui Kemasukkan Terus Data (DDE) dan menyemak ketepatan data.

4. PENGENDALI KOMPUTER

( Di Jabatan Tanah, Kementerian Pembangunan ) ( Bil : 111/1985-4 )

**Tanggagaji :** D. 3 EB. 4-5 — $900-$1625 sebulan.

**Kelayakan dan Pengalaman :**

a) Calon-calon hendaklah lulus sekurang-kurangnya 4 mata pelajaran dalam Sijil Am Pelajaran Peringkat Biasa dan mestilah termasuk Bahasa Inggeris dan Matematik dengan pengalaman sekurang-kurangnya 2 tahun sebagai pengendali mesin.
b) Pengendali mesin dengan pengalaman sekurang-kurangnya 5 tahun dan mempunyai pengetahuan dalam Bahasa Inggeris dan Matematik akan juga dipertimbangkan.

**Tugas-tugas :**

Untuk bertugas sebagai pengawas kerani kemasukan data dan mengawal pengendali-pengendali memasukkan data dan/atau bekerja sebagai pengendali komputer. Bertanggungjawab ke atas penjagaan semua perkakas-perkakas komputer.

5. PEMBANTU TEKNIK

i) Mekanikal.
ii) Letrik.
iii) Jentera.
iv) Hawa Dingin dan penyejukkan.
v) Bangunan.
vi) Perkhidmatan Kejuruteraan Khas Rumah Sakit.

( Di Jabatan Perubatan dan Kesihatan, Kementerian Pelajaran dan Kesihatan ) ( Bil : 111/1985-5 )

**Tanggagaji :** D. 1-2-3 EB. 4-5 — $530-$1625 sebulan.

**Kelayakan dan Pengalaman :**

a) Sijil Intermediate City and Guilds atau kelulusan yang diiktiraf sebanding dengannya dalam mata-mata pelajaran yang sesuai.
b) Pengalaman selama 4 tahun dalam lapangan yang berkaitan, sebaik-baiknya dalam kerja-kerja pemeliharaan dan pembaikan. Pengalaman dalam kerja-kerja perkhidmatan kejuruteraan rumah sakit adalah satu kelebihan.
c) Pemohon-pemohon yang berkelulusan rendah dari yang tersebut di atas tetapi berpengalaman lebih lama dalam bidang yang berkaitan, serta mempunyai kebolehan dan kecekapan akan juga dipertimbangkan.

6. PEMERIKSA SUKATAN DAN TIMBANGAN

( Di Bahagian Sukatan dan Timbangan, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri ) ( Bil : 111/1985-6 )

**Tanggagaji :** D. 1-2-3 EB. 4-5 — $530-$1625 sebulan.

**Kelayakan dan Pengalaman :**

a) Pemohon-pemohon mestilah berumur tidak kurang dari 18 hingga 35 tahun. Dan sekurang-kurangnya 3 tahun pengalaman dalam bidang kerjaya Sukatan dan Timbangan dalam salah satu tugas-tugas menjadi MEKANIK atau TRADESMAN dalam bidang kerjaya Sukatan dan Timbangan.

ATAU

b) Jika pengalaman dalam kerjaya Sukatan dan Timbangan yang tersebut di atas kurang daripada 3 tahun calon-calon mestilah mempunyai sekurang-kurangnya lulus satu mata pelajaran dalam peperiksaan Sijil Am Pelajaran Peringkat Biasa.

7. PEMBANTU PEGAWAI PERKAMUSAN

( Di Jabatan Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan ) ( Bil : 111/1985-7 )

**Tanggagaji :** D.1-2-3 EB. 4-5 — $530-$1625 sebulan.

**Kelayakan dan Pengalaman :**

a) Mempunyai kelulusan 3 mata pelajaran dalam peperiksaan Sijil Am Pelajaran Peringkat Biasa atau kelulusan yang sebanding dengannya.
b) Mempunyai pengetahuan yang baik tentang perbendaharaan kata Melayu Brunei.
c) Keutamaan akan diberi kepada pemohon-pemohon yang dapat membaca dan menulis jawi dengan baik dan mengetahui beberapa dialek yang terdapat di Negara Brunei Darussalam.

**Am :**

Calon-calon yang berjaya bagi satu-satu jawatan yang dipohonkan mestilah bersedia untuk bertugas bila-bila masa dikehendaki di luar masa pekerjaan biasa atau bekerja secara bergilir (shift) atau semasa cuti awam dan hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana sahaja di Negara Brunei Darussalam.

**Peringatan :**

Pemohon-pemohon adalah diingatkan supaya mencatatkan nama jawatan serta bilangan iklan yang bertentangan dengan nama jawatan yang dipohonkan di dalam borang permohonan mereka. Borang permohonan tanpa catatan bilangan yang berkenaan tidak akan dilayan.

**Seseorang pegawai yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendaklah menghantar permohonannya melalui Ketua Jabatannya dan Ketua Jabatan itu hendaklah menyertakan bersama-sama dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.**

Permohonan mestilah dipenuhi dalam dua salinan borang yang boleh didapati daripada Jabatan Perjawatan, Negara Brunei Darussalam dan borang tersebut hendaklah dikembalikan bersama-sama dengan salinan surat-surat akuan dan sijil-sijil kepada Setiausaha Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Tingkat 5, Bangunan SPA, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh tutup: 31 Oktober, 1985. ( E/1273/85 )

## TAWARAN JABATAN PERKHIDMATAN-PERKHIDMATAN ELEKTRIK

**BIL. PPL/49/1985**

Tajuk Kerja: PEMASANGAN LETRIK UNTUK 6 BLOK FLAT KELAS "B" DI KAMPONG KIARONG, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Tarikh tutup: 30 September, 1985 jam 12.00 tengah hari.

Cengkeram: $200.00

Kelayakan Pemborong: Kelas "A" atau "B" (Electrical Wiring).

Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah diperolehi dari Perkhidmatan-perkhidmatan Bangunan.

BIL.: PPL/MTB/174/1985

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Menanam Kabel yang berdaftar Kelas 'A' dan 'B' sahaja, yang akan diterima oleh Lembaga Tawaran Mini Tender yang beralamat di Bangunan Pejabat Setiausaha Tetap (Teknikal), Tingkat 3, Bangunan Kementerian Pembangunan, Jalan Lapangan Terbang Lama, Negara Brunei Darussalam sehingga jam 12.30 tengah hari, hari Rabu 2 Oktober, 1985 bagi kerja-kerja berikut :—

REPAIR & MAINTENANCE OF 28 FT. TUBULAR STEEL POLES, STRUTS AND STAY RODS AT VARIOUS AREAS IN KAMPONG AYER.

Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah dilihat dan diperolehi dari Jabatan Perkhidmatan - Perkhidmatan Elektrik, di Lapangan Terbang Lama, Jalan Berakas, Negara Brunei Darussalam.

Deposit (cengkeram) untuk tawaran tersebut adalah $100.00.

BIL.: PPL/MTB/177/85

Tajuk kerja : PEMELIHARAAN PERKHIDMATAN KE ATAS SISTEM ISYARAT KEBAKARAN DI BANGUNAN SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Tarikh tutup: 9 Oktober, 1985 (hari Rabu) jam 12.00 tengah hari.

Cengkeram : $200.00.

Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah diperolehi dari Perkhidmatan-Perkhidmatan Bangunan.

Kelayakan Pemborong:

Pemborong yang disahkan dan diluluskan oleh Pejabat Perkhidmatan - Perkhidmatan Elektrik.

## PEMBERITAHUAN TAWARAN ANGKATAN BERSENJATA DIRAJA BRUNEI

Syarat-syarat Tawaran

TAWARAN-tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran, di Lembaga Tawaran Negara, Kementerian Kewangan, Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan, tidak lewat jam 12.00 tengah hari, hari Isnin 7 Oktober, 1985..

2. Penawar-penawar hendaklah menghadapkan tawaran-tawaran mereka dalam sampul surat biasa atau yang dikhaskan dan hendaklah ditutup. Pada bahagian atas sebelah kiri sampul surat hendaklah ditunjukkan tajuk tawaran sepertimana yang diiklankan dan tarikh tutup tawaran itu.

3. Dokumen-dokumen tawaran bolehlah diperolehi dari Pejabat Procurement, Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, Bolkiah Kem. semasa hari-hari bekerja ( 0730 — 1230 dan 1400 — 1630 tiap-tiap hari Isnin hingga Khamis, 0730 — 1130 tiap-tiap hari Jumaat ).

4. Contoh-contoh katalog-katalog atau risalah-risalah adalah dikehendaki dan mestilah dihantar ke Pejabat Procurement, Bolkiah Kem. ABDB tidak lewat 3 hari selepas tarikh tawaran ditutup. Gambar-gambar biasa tidak akan dilayan.

5. Cagaran tawaran adalah dikehendaki dan akan dikembalikan kepada setiap pemborong yang tida berjaya.

6. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam tidak akan terikat untuk menerima tawaran yang paling rendah atau mana-mana tawaran.

BIL : PROC/T/212/85
MEMBEKAL :
TARGET SHIP
CAGARAN : $500.00.

## ROYAL BRUNEI POLICE FORCE TENDER NOTICE

TENDERS will be received by the Chairman Tenders Board Negara Brunei Darussalam.

Tenders should be placed in the Tender Box situated at :—

4th. Floor,
Jabatan Kementerian Kewangan,
Jalan James Pearce,
Bandar Seri Begawan,
Negara Brunei Darussalam.

by 12 noon on the stated closing date.

2. Tender documents can be collected from :—

Head of Logistics & Procurement
Police Headquarters
Gadong,
Negara Brunei Darussalam.

TENDER NO : 46/1985
TAILORING OF POLICE UNIFORMS

( Closing date — 7 October, 1985 ).

Samples are available for viewing on the 1st. October, 1985.

## TELECOMMUNICATIONS DEPARTMENT TENDER NOTICES

TENDERS are invited for the supply of Modular 10 — pair, 20 — pair, 50 — pair and 100 — pair quick connect distribution boxes with disconnect facility for Telecommunications Department.

Detailed of quantities and specifications can be obtained from the office of Director of Telecommunications, 1st. Floor, Telephone House, Jalan Istana Darussalam, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam, on payment of deposit of $500.00 which will be refunded to unsuccessful tenderers who submit a vaild tender.

Tender will be received by the Chairman Tenders Board, 4th. Floor, Ministry of Finance, Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam, not later than 12.00 noon on Monday 7th. October, 1985.

Tender should be submitted in a plain sealed envelope marked :—

TENDER FOR MODULAR 10 — PAIR, 20 — PAIR, 50 — PAIR AND 100 — PAIR QUICK CONNECT DISTRIBUTION BOXES WITH DISCONNECT FACILITY.

The Government of Negara Brunei Darussalam does not bind itself to accept lowest or any tender.

TENDERS are invited for the Supply and Delivery of Facsimile for Telecommunications Department.

Detailed of quantities and specifications can be obtained from the office of Director of Telecommunications, 1st. Floor, Telephone House, Jalan Istana Darussalam, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam, on payment of deposit of $500.00 which will be refunded to unsuccessful tenderers who submit a vaild tender.

Tender will be received by the Chairman Tenders Board, 4th. Floor, Ministry of Finance, Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam, not later than 12.00 noon on Monday 7th. October, 1985.

Tender should be submitted in a plain sealed envelope marked :—

TENDER FOR THE SUPPLY AND DELIVERY OF FACSIMILE

The Government of Negara Brunei Darussalam does not bind itself to accept lowest or any tender.

TENDERS are invited for the supply of Tools for Telecommunications Department.

Detailed of quantities and specifications can be obtained from the office of Director of Telecommunications, 1st. Floor, Telephone House, Jalan Istana Darussalam, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam, on payment of deposit of $500.00 which will be refunded to unsuccessful tenderers who submit a vaild tender.

Tender will be received by the Chairman Tenders Board, 4th. Floor, Ministry of Finance, Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam, not later than 12.00 noon on Monday 7th. October, 1985.

Tender should be submitted in a plain sealed envelope marked :—

TOOLS.

The Government of Negara Brunei Darussalam does not bind itself to accept lowest or any tender.

# KENYATAAN DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

## TAWARAN JABATAN KERJA RAYA, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

### BIL: JKR 344 TAHUN 1985

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "A" sahaja untuk:
PROJEK No.: AD426/2301
KOMPLEK BANTUAN PENTADBIRAN DI MARKAS PENANJONG BAGI ANGKATAN BERSENJATA DIRAJA BRUNEI, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan hingga jam 4.00 petang hari Khamis 3 Oktober, 1985.

Tarikh tutup: 7 Oktober, 1985.
Cagaran tawaran: $1,000.00 + $100.00 (lukisan).

### BIL: JKR 345 TAHUN 1985

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "A" (Pemborong Hawa Dingin) untuk:
PROJEK No.: AD419/1001
PEMASANGAN HAWA DINGIN UNTUK CADANGAN BANGUNAN PEJABAT-PEJABAT KERAJAAN DI TEMBURONG, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan hingga jam 4.00 petang hari Khamis 10 Oktober, 1985.

Tarikh tutup: 14 Oktober, 1985.
Cagaran tawaran: $500.00 + $100.00 (lukisan).

### BIL: JKR 346 TAHUN 1985

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "AX" dan ke atas untuk:
PROJEK No.: AR414/0140
KUMPULAN NO. 1, 37 BUAH JENIS 1 PERUMAHAN HARGA MURAH DI LAMBAK KIRI, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan hingga jam 4.00 petang hari Khamis 3 Oktober, 1985.

Tarikh tutup: 7 Oktober, 1985.
Cagaran tawaran: $1,000.00 + $100.00 (lukisan).

### BIL: JKR 347 TAHUN 1985

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "AX" dan ke atas untuk:
PROJEK No.: AR414/0140
KUMPULAN NO.2, 24 BUAH JENIS 2 PERUMAHAN HARGA MURAH DI LAMBAK KIRI, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan hingga jam 4.00 petang hari Khamis 3 Oktober, 1985.

Tarikh tutup: 7 Oktober, 1985.
Cagaran tawaran: $1,000.00 + $100.00 (lukisan).

### BIL: JKR 348 TAHUN 1985

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "AX" dan ke atas untuk:
PROJEK No.: AR414/0140
KUMPULAN NO. 3, 19 BUAH JENIS 3 PERUMAHAN HARGA MURAH DI LAMBAK KIRI, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri, Begawan hingga jam 4.00 petang hari Khamis 3 Oktober, 1985.

Tarikh tutup: 7 Oktober, 1985.
Cagaran tawaran: $1,000.00 + $100.00 (lukisan).

### BIL: JKR 349 TAHUN 1985

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "AX" dan ke atas untuk:
PROJEK No.: 85AR/17200
CADANGAN BENGKEL DI DEPOT SINAKUBAI, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh di ibat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan hingga jam 4.00 petang hari Khamis 26 September, 1985.

Tarikh tutup: 30 September, 1985.
Cagaran tawaran: $500.00 + $100.00 (lukisan).

### BIL: JKR 350 TAHUN 1985

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "B" dan ke atas untuk:
PROJEK No.: 85AB/13700
KERJA-KERJA PEMBAHARUAN DAN TAMBAHAN STESEN PEMANCAR RADIO DAN TELEVISYEN, JALAN BERAKAS, PERINGKAT II, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan hingga jam 4.00 petang hari Sabtu 28 September, 1985.

Tarikh tutup: 2 Oktober, 1985.
Cagaran tawaran: $200.00 + $100.00 (lukisan).

### BIL: JKR 351 TAHUN 1985

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "B" dan ke atas untuk:
PROJEK No.: AR414/0139
PERSEDIAAN, PERUSAHAAN, PEMBEKALAN DAN PENANAMAN POKOK-POKOK KAYU BAGI PERUMAHAN KERAJAAN DI KAMPONG KIARONG, BANDAR SERI BEGAWAN, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan hingga jam 4.00 petang hari Sabtu 28 September, 1985.

Tarikh tutup: 2 Oktober, 1985.
Cagaran tawaran: $200.00 + $100.00 (lukisan).

### SYARAT-SYARAT TAWARAN

1. TAWARAN-tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran sama ada kepada alamat di bawah seperti dikehendaki dan dinyatakan dalam Dokumen Tawaran.

   (a) Pengerusi Lembaga Tawaran,
   Tingkat Empat, Bangunan Kementerian Kewangan
   Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan,
   Negara Brunei Darussalam

   Tidak lewat dari jam 12.00 tengah hari pada tiap-tiap hari Isnin (seperti tarikh yang ditetapkan)

   (b) Pengerusi Lembaga Tawaran Kecil,
   Kementerian Pembangunan,
   Tingkat Tiga, Bangunan Kementerian Pembangunan,
   Jalan Lapangan Terbang Lama, Berakas,
   Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

   Tidak lewat dari jam 12.00 tengah hari pada tiap-tiap hari Rabu (seperti tarikh yang ditetapkan)

2. Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.
3. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat yang bertutup, ditulis dengan nama projek yang berkenaan tanpa menunjukkan identiti pemborong, dan ditujukan kepada Pengerusi Lembaga Tawaran, Kementerian Kewangan, Tingkat 4, Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.
4. Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah dilihat dan diperolehi dari Jabatan Kerja Raya, di Jalan Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.
5. Cagaran tawaran adalah dikehendaki dan akan dikembalikan kepada setiap pemborong yang tidak berjaya setelah menghantar tawaran yang jujur (bona-fide tender).
6. Sebelum dokumen-dokumen tawaran dikeluarkan setiap pemborong dikehendaki membawa dokumen yang menunjukkan bahawa pemborong adalah yang berdaftar di Jabatan Kerja Raya dalam kelas ditetapkan.
7. Tawaran-tawaran mestilah dihantar dengan menggunakan borang-borang tawaran yang telah disediakan. Tawaran yang mempunyai pengecualian tidak akan dilayan.
8. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya menerima tawaran-tawaran yang rendah atau lain-lain tawaran.

### BIL: JKR 352 TAHUN 1985

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "C" dan ke atas untuk:
PROJEK No.: 85AW/049
SAMBUNGAN PEMBETUNG DARI PANGGONG BOLKIAH KE PEMBETUNG KERAJAAN, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan hingga jam 4.00 petang hari Sabtu 28 September, 1985.

Tarikh tutup: 2 Oktober, 1985.
Cagaran tawaran: $100.00 + $100.00 (lukisan).

### BIL: JKR 353 TAHUN 1985

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "A" (Pemborong Elektrik) untuk:
PROJEK No.: AD426/2601
PEMASANGAN ELEKTRIK UNTUK CADANGAN KOMPLEKS DOBI DAN JAHITAN DI PENANJONG, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan hingga jam 4.00 petang hari Khamis 10 Oktober, 1985.

Tarikh tutup: 14 Oktober, 1985.
Cagaran tawaran: $200.00 + $100.00 (lukisan).

### BIL: JKR 354 TAHUN 1985

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "AX" dan ke atas untuk:
PROJEK No.: AR414/0140
KUMPULAN NO. 4, 31 BUAH JENIS 4 PERUMAHAN HARGA MURAH DI LAMBAK KIRI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan hingga jam 4.00 petang hari Khamis 10 Oktober, 1985.

Tarikh tutup: 14 Oktober, 1985.
Cagaran tawaran: $1,000.00 + $100.00 (lukisan).

### BIL: JKR 355 TAHUN 1985

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "AX" dan ke atas untuk:
PROJEK No.: AR414/0140
KUMPULAN NO. 5, 24 BUAH JENIS 5 DAN 10 BUAH JENIS 6, PERUMAHAN HARGA MURAH DI LAMBAK KIRI, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan hingga jam 4.00 petang hari Khamis 10 Oktober, 1985.

Tarikh tutup: 14 Oktober, 1985.
Cagaran tawaran: $1,000.00 + $100.00 (lukisan).

### BIL: JKR 356 TAHUN 1985

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "AX" dan ke atas untuk:
PROJEK No.: 85AD/RAM010 & 85AD/RAM011
CADANGAN SATU BLOK SATU TINGKAT 6 UNIT BEREK DI TAPAK EMPANG DAN PEMBINAAN KOLAM AIR BAGI JERUDONG PARK, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan hingga jam 4.00 petang hari Khamis 3 Oktober, 1985.

Tarikh tutup: 7 Oktober, 1985.
Cagaran tawaran: $500.00 + $100.00 (lukisan).

### BIL: JKR 357 TAHUN 1985

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "B" dan ke atas untuk:
PROJEK No.: 85AB/PEL122
CADANGAN SURAU BAGI MAKTAB TEKNIK SULTAN SAIFUL RIJAL, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan hingga jam 4.00 petang hari Khamis 3 Oktober, 1985.

Tarikh tutup: 7 Oktober, 1985.
Cagaran tawaran: $200.00 + $100.00 (lukisan).

### BIL: JKR 358 TAHUN 1985

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "C" dan ke atas untuk:
PROJEK No.: 85AB/PEL032 & 85AB/PEL043
PEMBINAAN SATU BLOK TANDAS DAN PAGAR KESELAMATAN BAGI SEKOLAH RENDAH KERAJAAN PUDAK, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan hingga jam 4.00 petang hari Sabtu 5 Oktober, 1985.

Tarikh tutup: 9 Oktober, 1985.
Cagaran tawaran: $100.00 + $100.00 (lukisan)

### BIL: JKR 359 TAHUN 1985

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "C" dan ke atas untuk:
PROJEK No.: 85AB/00900
MEMBAIKI DAN MENGGANTI PAGAR KAWASAN DAN PARIT DI JABATAN KENDERAAN DARAT, BANDAR SERI BEGAWAN, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan hingga jam 4.00 petang hari Sabtu 5 Oktober, 1985.

Tarikh tutup: 9 Oktober, 1985.
Cagaran tawaran: $100.00 + $100.00 (lukisan).

## Telecommunications Department Tender Notice

TENDERS are invited from registered Telecoms contractors with A or B classification.

2. The said tenders are for THE CONSTRUCTION OF DISTRIBUTION CABLE NETWORK AT JALAN ANGGEREK DESA CABINET 5 D.A. 5A.

3. Tenders should be placed in the Tenders Board, situated outside the office of the State Financial Officer on the Ground Floor of the State Secretariat Building, Bandar Seri Begawan, not later than 12.00 noon on 14th. October, 1985. Tenders received after the said time will be rejected.

4. Tenders should be submitted in a plain sealed envelope marked :—
CONSTRUCTION OF CABLE NETWORK AT ANGGEREK DESA CABINET 5 D.A. 5A — P 2167.

5. Detailed tender documents can be obtained from the office of the Director of Telecommunications at Jalan Istana Darussalam, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam upon a deposit of B$400.00 which will be refunded to all unsuccessful tenderers. The tender deposit will be forfeited from any tender who fails to submit a tender.

6. The Government of Negara Brunei Darussalam does not bind itself to accept the lowest or any tender.

7. Joint consultation and on site inspection of the work is a condition of tender and prospective contractors must meet with the Director's Representative at 09.00 hours on 30th. September, 1985 at the Ground Floor, Telephone House, Telecomms Headquarters, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

Tenders will not be accepted from contractors who have not attended the joint on site inspection.

## JABATAN TELEKOM KEMENTERIAN PERHUBUNGAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

DIMAKLUMKAN kepada semua pengurus bengkel-bengkel kereta di Negara Brunei Darussalam yang berlesen, bahawa jabatan ini sedang mendaftarkan bengkel-bengkel bagi pemeliharaan bahagian-bahagian badan dan enjin kenderaan-kenderaan di bawah kawalan jabatan ini. Bengkel-bengkel yang berdaftar dengan jabatan ini kelak akan dihubungi untuk memberikan sebut harga bagi sebarang kerja-kerja pemeliharaan kenderaan yang dimaksudkan..

Semua pengurus-pengurus Bengkel adalah dialu-alukan untuk mendaftarkan bengkel-bengkel mereka dengan menghubungi bahagian Pentadbiran, Ibu Pejabat Jabatan Telekom, Jalan Istana Darussalam, Bandar Seri Begawan.

Lesen-lesen Perniagaan hendaklah dibawa bersama. Pendaftaran ditutup pada hari Isnin 7 Oktober, 1985.